

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 10 MAC 2014

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia memperbanyak lagi hospital-hospital pakar seperti Institut Jantung Negara (IJN) di mana ianya dikhususkan bagi menangani penyakit-penyakit khusus yang sering dihadapi rakyat Malaysia di samping mempunyai kakitangan yang berhemah tinggi lagi profesional dan menjadikan IJN sebagai standard ukuran perkhidmatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun mempunyai hospital pakar yang khusus seperti Hospital Rehabilitasi Cheras, empat (4) buah Hospital Psikiatri (Hospital Bahagia, Hospital Permai, Hospital Sentosa dan Hospital Bukit Padang), Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Institut Kanser Negara Putrajaya dan Pusat Darah Negara. Hospital Kuala Lumpur juga mempunyai beberapa institut perubatan seperti Institut Urologi-Nefrologi, Institut Neurologi,

Institut Radioterapi dan Onkologi serta Institut Perubatan Respiratori. Institut Jantung Negara pula adalah diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan.

KKM belum ada perancangan untuk membina hospital pakar khusus bagi penyakit-penyakit seperti penyakit buah pinggang, hati dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit ini masih boleh menerima rawatan di hospital-hospital berpakar berdekatan yang menyediakan pakar perubatan terlatih dalam bidang berkaitan.

Perancangan untuk membina sebuah hospital pakar khusus memerlukan kajian yang terperinci merangkumi prevalans penyakit, keperluan sumber manusia terutama pakar-pakar dan kedudukan kewangan negara.

Hospital berpakar yang khusus juga memerlukan perkhidmatan perubatan umum untuk menyokong perkhidmatan khusus ini.